

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) Universiti Sains Malaysia (USM) serta sebab kenapa PPPJJ USM perlu dibubarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga hari ini, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM) telah melahirkan kira-kira 30,000 alumni melalui program pengajian yang ditawarkan. Di peringkat antarabangsa, PPPJJ USM turut menjalin kolaborasi dengan pusat utama pendidikan jarak jauh (PJJ) global seperti Deakin University dan Murdoch University di Australia, serta Open Learning Institute di Kanada dalam usaha memperkaya penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk manfaat pengajar dan pelajar. Keupayaan dan, dengan izin, *'track record'* ini membuktikan bahawa PPPJJ USM berpotensi dikembangkan selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam hubungan ini, pihak USM sentiasa berusaha untuk terus memperkasakan program akademik yang ditawarkan oleh PPPJJ USM dengan melihat peluang yang ada berdasarkan senario semasa. Justeru, satu pasukan petugas yang terdiri daripada tiga orang profesor dalam kalangan ahli senat universiti telah dilantik oleh Senat USM untuk mengkaji keperluan penstrukturan semula PPPJJ USM yang seterusnya berupaya memantapkan lagi kaedah penyampaian program akademik yang ditawarkan. Dapatan kajian tersebut dijadual untuk dibentangkan kepada Senat USM pada penghujung bulan November 2021.

Sekian, terima kasih.